

Najib tidak puas hati firma audit tidak tutup akaun

um - 16/9/2020 ml/s: 11

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak berpuas hati dengan tindakan firma audit, KPMG tidak menutup akaun 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan mempertikai pelaburan syarikat terbabit.

Menurut bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Mohd. Hazem Abd. Rahman, KPMG ketika itu enggan menutup akaun syarikat itu kerana tidak berpuas hati dengan penyata pelaburan Brazen Sky Ltd. yang dikemukakan oleh Bank BSI selaku pengu-ran dana akaun itu.

Brazen Sky adalah syarikat yang ditubuhkan di British Virgin Islands bagi mendapatkan semula dana pelaburan Malaysia di luar negara tetapi ia merupakan tipu muslihat ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau turut dikenali sebagai Jho Low dan proksinya sebagai salah satu cara melencongkan wang pelaburan 1MDB di Petro-Saudi Oil Services Ltd. (PSOSL).

"KPMG ingin melihat secara terperinci jenis pelaburan dan bukti syarikat yang telah melabur dalam Bridge Global Absolute Return Fund SPC tersebut



Ini bagi memastikan agar laporan audit kewangan 1MDB bagi tahun berakhir Mac 2013 mempunyai integriti dan sah ditandatangani sebagai laporan akhir."

MOHD. HAZEM ABD. RAHMAN

kerana membabitkan aset pen-dasar (underlying asset) bernilai AS\$2.3 billion.

"Ini bagi memastikan agar laporan audit kewangan 1MDB bagi tahun berakhir Mac 2013 mempunyai integriti dan sah ditandatangani sebagai laporan akhir. Tambahan perkara ini hangat diperkatakan oleh orang awam ketika itu," katanya.

Keengganan firma audit itu telah menyebabkan Najib berkali-kali mendesaknya mengambil

langkah sewajarnya bagi membolehkan laporan akaun itu diselesaikan. KPMG kemudian digantikan dengan firma audit, Messrs. Deloitte KassimChan.

Saksi tersebut berkata demikian dalam perbincaraan kes pengubahan wang haram dan salah guna kedudukan serta penyelewengan dana berjumlah RM2.28 bilion di Mahkamah Tinggi di sini semalam.

Menjelaskan lebih lanjut, Mohd. Hazem memberitahu, satu pertemuan telah dibuat di antara KPMG dengan pemegang saham 1MDB iaitu Najib di rumah Ahli Parlimen Pekan itu pada 15 Disember 2013.

Pada pertemuan tersebut wakil KPMG, pengurus rakan kongsi, Johan Idris telah bertanya kepada Najib sama ada beliau selaku pemegang saham mengetahui pelaburan di SPC.

"Najib menjawab beliau sedia maklum dengan pelaburan

yang dibuat oleh Brazen Sky di SPC. Najib juga mempersoalkan kenapa KPMG tetap syak wasangka berkenaan underlying asset pelaburan tersebut sedangkan BSI Bank sendiri sudah menunjukkan penyata pelaburan tersebut," kata Mohd. Hazem.

Selepas pertemuan tersebut, KPMG masih tidak menutup laporan kewangan kerana tidak berpuas hati



NAJIB RAZAK

dengan dokumen dan jawapan yang diberikan.

"Disebabkan desakan oleh Najib untuk menutup akaun 1MDB dan atas faktor reputasi syarikat, pihak pengurusan 1MDB mencadangkan kepada BOD dan pemegang saham untuk menggantikan KPMG dengan Deloitte," katanya.

Bagaimanapun, ketika membuat laporan kewangan syarikat 1MDB bagi tahun 2014, Deloitte telah membangkitkan isu sama. Firma audit terbabit turut memberikan amaran sekiranya perincian mengenai aset pendasar tidak diberikan, laporan kewangan bagi tahun tersebut tidak akan ditutup.

Disebabkan 1MDB tidak dapat menunjukkan pelaburan terperinci Brazen Sky, syarikat terbabit telah memberitahu Deloitte pelaburan di Brazen Sky akan ditunaikan dan wangnya dibawa balik ke Malaysia.

"Pada penghujung tahun 2014, kira-kira AS\$1.3 billion telah dicairkan daripada akaun Brazen Sky. Namun wang itu telah digunakan untuk pembelian penjana tenaga bebas (IPP)," ujar Mohd. Hazem.